

La Nina bawa hujan lebat sehingga banjir turut berlaku

Jerebu kembali landa negara bulan depan

Oleh JUNHAIRI ALYASA

PUTRAJAYA - Masalah jerebu dijangka kembali semula ke negara ini ekoran cuaca panas dan kering yang menyebabkan kebakaran hutan berlaku di wilayah Sumatera dan Kalimantan, Indonesia pada bulan Jun hingga Oktober ini.



Kebakaran yang berlaku terutamanya di wilayah Sumatera akan menyebabkan angin kembali bertiup dari arah barat ke timur mengakibatkan asap jerebu memasuki ruang udara Malaysia.

Bagaimanapun, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar (**gambar kecil**) berkata, berdasarkan laporan daripada Pusat Meteorologi Khas ASEAN yang berpangkalan di Singapura, keadaan El Nino menjadi semakin lemah dan akan berakhir menjelang pertengahan tahun ini.

Menurutnya, fenomena La Nina pula diramal berlaku pada suku tahun ketiga iaitu Jun hingga September yang akan menyebabkan taburan hujan turun pada paras normal.

"Kita berharap impak kemunculan semula jerebu akan dapat dikurangkan dengan kedatangan hujan tetapi fenomena La Nina bukanlah satu keadaan yang dialu-alukan kerana kita melihat apa



JEREBU dijangka kembali melanda negara disebabkan masalah kebakaran hutan di wilayah Sumatera dan Kalimantan yang bermula pada bulan Jun ini. - Gambar hiasan



FENOMENA La Nina yang membawa hujan lebat dan banjir turut berlaku pada bulan depan. - Gambar hiasan

yang pernah berlaku di Kelantan, Terengganu dan Pahang pada tahun 2014 telah menyebabkan banjir besar.

"Apa yang berlaku ialah beberapa kawasan akan mengalami jerebu dan berkemungkinan ada

tempat berlaku banjir. Justeru, ada dua fenomena yang akan berlaku di negara kita," katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar mengenai hasil perbincangan pada Mesyuarat Ke-13 Jawatankuasa Pemandu Sub Serantau Peringkat Kementerian Mengenai Jerebu Rentas Sempadan yang diadakan

di Singapura pada 3 hingga 4 Mei lalu.

Mengulas tentang hasil mesyuarat tersebut, Wan Junaidi berkata, pihak Indonesia telah menyatakan pendirian tidak mahu

SKIM POTONGAN GAJI ZAKAT (SKIM THOHIR)

01 TAKSIRAN

Menerusi:-

- Portal PPZ-MAIWP - zakat.com.my
- Talian Zakat - 1-300-88-5757
- Kaunter PPZ-MAIWP

02 ISI BORANG (PPZ 052)

Boleh dapatkan borang Skim Thohir (PPZ 052) melalui:-

- Majikan anda
- Muat turun borang di Portal PPZ-MAIWP
- Kaunter PPZ-MAIWP
- Talian Zakat - 1-300-88-5757

03 PASTIKAN

Borang PPZ 052 yang lengkap dihantar kepada Bahagian Gaji Majikan anda.

- Pastikan slip gaji anda tertera potongan zakat
- Potongan Gaji Zakat diselaraskan dengan Potongan Cukai Berjadual (PCB)
- Menerima penyata potongan gaji zakat (Januari & Julai)

Ikuti kami di Facebook
www.facebook.com/myzakat

TALIAN ZAKAT
1300 88 5757



meneruskan perjanjian persefahaman (MoU) yang ditandatangani pada tahun 2013 di antara pihak Malaysia dengan pemerintah wilayah Sumatera kerana menyifatkan tindakan tersebut sebagai tidak efektif.

"MoU yang kita tandatangani itu bukan dengan pemerintah Indonesia tetapi dengan pemerintah wilayah Sumatera. Pemerintah wilayah Indonesia tidak boleh menyelesaikan masalah jerebu bersendirian kerana ia hanya boleh dilakukan dengan bantuan pemerintah pusat Indonesia," jelas beliau.

Bagaimanapun, pihak Indonesia telah memberikan jaminan bahawa akan menyelesaikan masalah jerebu daripada berulang semula menerusi beberapa kaedah dan pendekatan yang bakal dilaksanakan.

Pada Oktober tahun lalu, Kementerian Pendidikan mengarahkan beberapa buah sekolah ditutup ekoran masalah jerebu yang berpunca daripada kebakaran hutan di wilayah Sumatera.

INFO La Nina

- Fenomena La Niña berlaku apabila suhu permukaan laut di tengah dan timur Lautan Pasifik menjadi lebih rendah berbanding biasa.
- Tekanan permukaan atmosfera meningkat di tengah dan timur Lautan Pasifik manakala tekanan permukaan di bahagian barat Lautan Pasifik menurun.
- Membawa hujan lebat terutamanya di kawasan negeri Pantai Timur pada bulan November hingga Disember manakala Sabah dan Sarawak pula mengalami situasi yang sama pada awal Januari hingga Februari tahun depan.